



31 AUG, 2024

Kastam Perlis rampas heroin bernilai lebih RM490,000

Sinar Harian, Malaysia



Kastam Perlis rampas heroin bernilai lebih RM490,000

KANGAR - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Perlis menahan seorang wanita warga Thailand dan merampas dadah jenis heroin seberat 5.252 kilogram (kg) bernilai RM492,375 di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Padang Besar pada Rabu lepas.

Pengarah Kastam Perlis Ismail Hashim berkata, wanita berusia 30 tahun itu ditahan Unit Khas Pemeriksaan Penumpang (UKPP) kompleks itu pada 6.40 petang apabila sebuah bagasi yang dibawanya didapati mengandungi barang larangan disyaki dadah.

“Pemeriksaan rapi ke atas bagasi tersebut telah menemukan dua beg tangan dan dua beg galas masing-masing mengandungi pekot berwarna coklat yang disembunyikan dalam ruangan khas beg tersebut.

“Pemeriksaan rapi ke atas pekot tersebut mendapati kesemuanya mengandungi serbuk putih yang disyaki heroin,” katanya pada sidang media di Kompleks Kastam Negeri di sini pada Jumaat.

Ismail berkata, wanita itu memberikan alasan mahu pergi ke Kuala Lumpur untuk sambutan hari lahir kawannya dengan merancang menaiki teksi dari Padang Besar ke Stesen Bas di Kangar.

Beliau berkata, bekalan dadah yang dipercayai diperoleh dari Bangkok, Thailand itu dipercayai untuk pasaran di Kuala Lumpur dan pihaknya tidak menolak kemungkinan terdapat rangkaian dadah berkenaan di ibu negara.

“Perintah reman tujuh hari dikeluarkan oleh Majistret Mahkamah Kangar pada 29 Ogos ke atas wanita itu untuk membantu siasatan,” katanya.

Sementara itu, Ismail berkata, Kastam Perlis menyita sebuah kereta mewah jenis Porsche 911 GT3 bernombor pendaftaran pulau bebas cukai, Langkawi kerana disyaki berada melebihi tempoh 90 hari di tanah besar Semenanjung iaitu selama 91 hari.

Ujar beliau, kereta yang disita itu dianggarkan bernilai RM1,200,000 dan melibatkan cukai sebanyak RM2,118,000. - *Bernama*



31 AUG, 2024

Kastam Perlis rampas heroin bernilai lebih RM490,000

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KANGAR - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Perlis menahan seorang wanita warga Thailand dan merampas dadah jenis heroin seberat 5.252 kilogram (kg) bernilai RM492,375 di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Padang Besar pada Rabu lepas. Pengarah Kastam Perlis Ismail Hashim berkata, wanita berusia 30 tahun itu ditahan Unit Khas Pemeriksaan Penumpang (UKPP) kompleks itu pada 6.40 petang apabila sebuah bagasi yang dibawanya didapati mengandungi barang larangan disyaki dadah.